

MEMPERKASA PENGAGIHAN ZAKAT DI MALAYSIA MELALUI PEMBANGUNAN KERANGKA BANTUAN LANGSUNG TUNAI BERSYARAT MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

*Strengthening Zakat Distribution in Malaysia Through Developing a
Conditional Cash Transfer Framework Based on Islamic Perspective*

Mohd Suffian Mohamed Esa^{1*}

Hairunnizam Wahid²

Salmy Edawati Yaacob³

^{1,2,3} Institut Islam Hadhari (HADHARI), Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi

*Corresponding author (P119490@siswa.ukm.edu.my)

Diterima: xx, Diproses: xx, Diterbitkan: xx

Abstrak: Cabaran dalam memperkasakan pengagihan zakat adalah untuk merealisasikan pembangunan golongan asnaf keluar daripada belunggu kemiskinan. Bantuan Langsung Tunai Bersyarat (CCT) merupakan program bantuan tunai dengan intervensi yang dilaksanakan oleh banyak negara global. Pengurangan kadar kemiskinan dalam tempoh jangka pendek serta pembangunan modal insan dalam jangka masa panjang merupakan objektif bersepadu program CCT. Statistik di peringkat global menunjukkan pelbagai impak sosioekonomi dikecapi menerusi program ini. Sungguhpun begitu, konsep ini belum pernah diaplikasikan dalam mana-mana program bantuan tunai di Malaysia termasuklah program agihan zakat. Bagi memastikan transformasi pengagihan zakat produktif serta pembangunan asnaf fakir dan miskin berjaya direalisasikan, program yang direkabentuk hendaklah memberikan impak yang berkesan. Keadaan ini selari dengan agenda Matlamat Pembangunan Lestasi (SDG) dan pembasmian kemiskinan pelbagai dimensi melalui program pembasmian kemiskinan yang efektif. Misi ini turut disokong melalui petunjuk prestasi utama institusi zakat yang memfokuskan kepada outcome pencapaian golongan asnaf. Oleh itu, kertas konsep ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan sinopsis berkaitan CCT serta membincangkan idea pembangunan kerangka konstruk CCT mengikut perspektif Islam untuk institusi zakat di Malaysia.

Kata Kunci: Bantuan Langsung Tunai Bersyarat, Institusi Zakat, Pembangunan Asnaf, Malaysia.

Abstract: *The primary obstacle in facilitating the distribution of zakat is lifting the Asnaf community out of poverty. Conditional Cash Transfer (CCT) is a financial aid program with specific requirements that is used by numerous countries worldwide. The CCT initiative aims to reduce poverty rates in the near term and enhance human capital development in the long run. Global statistics demonstrate a diverse array of socio-economic repercussions resulting from this program. However, this notion has not been implemented in any cash assistance program in Malaysia, including the zakat distribution program. For successful*

implementation of transforming wealth distribution and developing poor communities, interventions must have a significant impact. This aligns with the Agenda for Development Goals (SDGs) and aims to eliminate multidimensional poverty through efficient poverty eradication programs. The mission is further backed by the Zakat Institute's key performance indicators, which concentrate on the achievement outcomes of the Asnaf groups. This concept paper was drafted to outline the Conditional Cash Transfer (CCT) and explore the development of a CCT framework based on Islamic principles for zakat institutions in Malaysia.

Keywords: *Conditional Cash Transfer, Zakat Institution, Asnaf Development, Malaysia.*

PENGENALAN

Di peringkat global, hasil zakat kini dianggarkan berjumlah USD200 bilion sehingga USD1 trilion setahun dengan masyarakat Islam mewakili 22% populasi global (Pickup et al., 2018). Di Malaysia, hasil fiskal Islam utama yang menunjangi peranan Baitulmal pada masa kini disumbangkan oleh hasil zakat. Peranan zakat mampu membangunkan sosioekonomi ummah, menurunkan kadar kemiskinan serta mengurangkan jurang perbezaan kekayaan dalam masyarakat. Dari sudut perundangan, hal ehwal agama Islam di Malaysia diperuntukkan di bawah bidang kuasa negeri-negeri selaras dengan Jadual Kesembilan, Senarai 2: Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan. Penguatkuasaan akta atau enakmen telah memperuntukkan perkara berkaitan pengurusan zakat mengikut lokaliti negeri (Wahid, Ahmad, Nor, & Rashid, 2017). Zakat bukan sahaja memperkasakan sosioekonomi ummah tetapi secara moralnya, zakat dapat menyucikan jiwa semua pihak terlibat serta berusaha mencapai keseimbangan agihan kekayaan untuk keperluan kehidupan dunia dan pelaburan saham di akhirat (Razak, 2019). Bagi meningkatkan status kehidupan golongan asnaf seterusnya merencanakan pertumbuhan ekonomi negara, polisi pengagihan zakat yang telus, cekap dan berkesan wajar dibangunkan (Romdhoni, 2017). Keberkesanan pengagihan zakat mampu memberi impak positif bagi membangunkan taraf hidup golongan asnaf fakir dan miskin kesan daripada penambahan pendapatan hasil bantuan zakat (Rohaizan, Noor, & Wahid, 2020).

BANTUAN LANGSUNG TUNAI BERSYARAT (CCT)

Bantuan langsung tunai (cash transfer) merupakan bentuk sumber utama yang diagihkan dengan peningkatan ketara kepada golongan yang memerlukan oleh negara-negara berpendapatan sederhana dan rendah dalam mengurangkan kadar kemiskinan serta sebagai strategi perlindungan sosial (Arnold, Conway, & Greenslade, 2011; Barrientos & Villa, 2013; Honorati, Gentilini, & Yemtsov, 2015). Berdasarkan statistik mengikut kedudukan geografi, program-program bantuan langsung tunai dilaksanakan di kedua-dua hemisfera utara dan selatan dengan majoriti program di hemisfera selatan dibiayai oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) serta secara mediannya bermula sekitar tahun 2008 manakala di hemisfera utara secara majoritinya ditanggung oleh pihak NGO dan dimulakan (median) sekitar tahun 2020 (Dwyer, Stewart, & Zhao, 2022). Pelbagai objektif yang ditetapkan secara spesifik untuk dicapai dalam program-program yang dirancang dengan fokus sasaran populasi tertentu menerima bantuan langsung tunai dilaksanakan oleh negara-negara pelaksana program. Sebagai contoh, 82 buah negara termasuk Argentina dan Armenia menyediakan

bantuan penjagaan anak untuk isi rumah yang mempunyai anak, 17 buah negara termasuk Myanmar mengamalkan bantuan langsung tunai bersasar *one-off* kepada wanita mengandung atau keluarga yang mempunyai anak di bawah umur 3 tahun manakala 12 buah negara pula menyediakan elaun penjagaan anak berbentuk universal (Gentilini, 2022). Bantuan langsung tunai diberikan dalam pelbagai bentuk seperti bantuan langsung tunai tanpa syarat (unconditional cash transfer) serta dibayar dalam mekanisme digital (Gentilini, 2022). Dari sudut statistik, didapati 130 buah negara berpendapatan rendah dan sederhana kini mempunyai sekurang-kurangnya satu program bantuan langsung tunai tanpa syarat (UCT) manakala 63 buah negara sekurang-kurangnya mempunyai satu program bantuan langsung tunai bersyarat (CCT) (Honorati et al., 2015). Pertumbuhan program bantuan langsung tunai ini turut disertai dengan kajian penilaian yang menunjukkan dengan ketara mengenai impak positif program. Di samping itu, perhatian turut diberikan secara mendalam kepada reka bentuk program dan butiran pelaksanaan yang dikaitkan dengan impak program tersebut (Bastagli et al., 2016).

KONSEP CCT

CCT merupakan program bantuan tunai dengan intervensi oleh pihak kerajaan/penajaan yang dilaksanakan oleh lebih 60 buah negara di dunia. Objektif utama program ini adalah bagi menyasarkan pengurangan kadar kemiskinan dalam tempoh jangka pendek serta pembangunan modal insan dalam jangka masa panjang. Dari sudut konsep, CCT merupakan program yang mengagihkan tunai kepada isi rumah miskin, dengan syarat tingkahlaku yang mana pihak isi rumah perlu melaksanakan pelaburan spesifik (tanggungjawab) dari sudut pembangunan modal insan terhadap anak-anak mereka. Syarat tingkahlaku bagi program CCT di seluruh dunia telah melalui pelbagai peringkat dengan secara umumnya program CCT pada masa kini boleh dibahagikan kepada 4 dimensi utama syarat tingkahlaku iaitu kesihatan, pendidikan, ekonomi dan lain-lain.

Syarat tingkahlaku kesihatan dan nutrisi merupakan syarat yang mewajibkan pihak penerima bantuan melaksanakan tanggungjawab tertentu berkenaan aspek kesihatan isi rumah. Sebagai contoh, antara syarat tingkahlaku utama yang dilaksanakan oleh banyak program CCT adalah kehadiran ke pemeriksaan kesihatan secara berkala, pemantauan dari sudut pembesaran dan pengambilan vaksinasi kanak-kanak mengikut tahap umur tertentu (Farjana, Islam, Khanam, & Mamun, 2023; Fiszbein & Schady, 2009; Hadna, Zulaela, Ardiansyah, & Habib, 2022). Syarat tingkahlaku pendidikan pula merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh penerima bantuan terhadap keperluan pendidikan isi rumah mereka. Antara syarat tingkahlaku penting yang diamalkan oleh kebanyakan program CCT adalah meletakkan peratusan kehadiran ke sekolah untuk anak-anak golongan miskin dengan peratus kehadiran setahun adalah di antara 80% hingga 90% (Bastagli et al., 2016; Catubig & Villano, 2017; Fiszbein & Schady, 2009; Kabeer, Piza, & Taylor, 2012; Mendoza, 2019; Son, 2008) dan enrolmen persekolahan bagi anak-anak yang masih dalam umur bersekolah (Bastagli et al., 2016; Colvara, Singh, Gupta, Celeste, & Hilgert, 2023; Fiszbein & Schady, 2009; Kabeer et al., 2012) Terdapat juga program CCT yang meletakkan syarat tingkahlaku ekonomi/pekerjaan kepada pihak penerima bantuan. Antaranya, penerima bantuan dalam isi rumah perlu bekerja atau mencari pekerjaan serta menghadiri latihan/kursus berkaitan kerjaya (Miller et al., 2015). Selain itu, dimensi lain-lain turut dilaksanakan oleh beberapa program CCT di negara seperti Chile. Antara syarat tingkahlaku lain-lain penting yang perlu dilaksanakan oleh isi rumah penerima bantuan program CCT adalah seperti menghadiri sesi berkaitan pembangunan kapasiti (Bastagli et al., 2016; Ibarrarán et al., 2017). Antara program

CCT yang terkenal serta terawal dilaksanakan adalah program Bolsa Familia (Brazil) dan Program Progresa (Mexico). Menurut (Marinho, 2017), program Bolsa Familia yang melibatkan 13.5 juta keluarga atau 25% populasi negara Brazil telah berjaya menurunkan melebihi separuh kadar miskin tegar di negara tersebut dalam tempoh 10 tahun. Program Progresa di negara Mexico pula berjaya meningkatkan enrolmen pelajar ke sekolah sebanyak 6% (Dubois, De Janvry, & Sadoulet, 2012).

KEWAJARAN POLISI CCT DALAM PENGAGIHAN ZAKAT

Secara umumnya, pengagihan zakat melalui bantuan langsung tunai di Malaysia adalah bersifat bantuan langsung tunai tanpa syarat (UCT). Hal ini adalah disebabkan pihak institusi zakat tidak menetapkan apa-apa tanggungjawab dalam bentuk tingkahlaku yang mesti dilaksanakan oleh golongan asnaf yang menerima bantuan zakat. Saban tahun, jumlah zakat yang diagihkan terus meningkat. Keadaan tersebut juga menunjukkan bilangan asnaf baru turut meningkat. Keadaan ini menunjukkan pengagihan zakat sedia ada kurang berkesan dalam mengurangkan populasi golongan asnaf. Selain itu, konsep bantuan zakat dalam bentuk agihan tunai secara langsung bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan asnaf bagi menampung keperluan perbelanjaan isi rumah mereka. Polisi bantuan berbentuk UCT ini tidak mengambilkira elemen pembangunan modal insan terutama melibatkan isi rumah golongan asnaf. Justeru, sasaran untuk membasmi atau sekurang-kurangnya mengurangkan kemiskinan antara generasi sukar untuk dilaksanakan.

Oleh yang demikian, pengagihan zakat sedia ada menjadi cabaran kepada institusi zakat negeri-negeri dalam memastikan sasaran mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan berjaya direalisasikan. Kini, petunjuk prestasi utama yang diletakkan dalam pengagihan zakat adalah memfokuskan kepada outcome dan impak program pengagihan zakat tersebut. Antara contoh utama petunjuk prestasi utama yang disasarkan oleh institusi zakat negeri adalah meletakkan peratusan tertentu penerima bantuan (golongan asnaf) untuk keluar daripada kemiskinan manakala yang lebih mencabar adalah untuk membangunkan golongan ini menjadi pembayar zakat pada masa akan datang (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2022). Masalah yang timbul adalah lanjutan daripada program bantuan kewangan bulanan berbentuk UCT merupakan program penting dan menjadi tunggak utama polisi pengagihan zakat pada masa ini. Bagi merealisasikan hasrat petunjuk prestasi utama pembangunan asnaf tersebut, pembangunan program pengagihan zakat yang lebih efektif serta relevan dengan keadaan isu dan masalah sosioekonomi semasa wajar dipertimbangkan. Oleh yang demikian, program pengagihan zakat berbentuk CCT wajar diambilkira untuk dibangunkan.

Dari sudut perbandingan, program CCT mempunyai kriteria syarat tingkahlaku berbanding program UCT yang tidak meletakkan apa-apa syarat tingkahlaku. Syarat tingkahlaku ini wajib dipatuhi oleh penerima bantuan bagi memastikan bantuan yang diterima tidak akan ditamatkan. Dengan syarat tingkahlaku, matlamat pembangunan modal insan isi rumah golongan miskin berupaya dicapai. Kekuatan lain program CCT adalah dari sudut objektif jangka panjangnya yang bersepadu iaitu mengurangkan kemiskinan semasa dan membangunkan modal insan isi rumah dalam tempoh jangka panjang. Kedua-dua objektif ini pula mensasarkan objektif yang lebih mampan iaitu membasmi atau mengurangkan kemiskinan antara generasi. Program CCT sedia ada yang dilaksanakan di seluruh dunia memberi impak dalam pelbagai dimensi. Dalam bidang kesihatan, sebagai contoh di negara Nigeria, kesan program ini telah berjaya meningkatkan impak melalui peningkatan kehadiran penerima bantuan ke pusat pemeriksaan atau klinik kesihatan (Baba-Ari, Eboreime, &

Hossain, 2018). Bagi aspek pendidikan, program CCT bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan penerima bantuan malah menambah pendapatan sampingan unuk keperluan perbelanjaan pendidikan anak-anak seperti yang berlaku di negara Indonesia melalui program CCT yang dinamakan Program Keluarga Harapan (Hidayatina & Garces-Ozanne, 2019). Dalam menyesuaikan polisi CCT dengan institusi zakat, (Zulhibri, 2016) berpandangan program CCT mampu menyumbangkan kesan positif dalam menurunkan kadar kemiskinan serta kerentanan golongan miskin selain mempromosikan objektif pembangunan modal insan seperti yang diletakkan dalam polisi CCT. Beliau turut mencadangkan secara umum mekanisme program CCT disesuaikan dengan hasil fiskal Islam seperti zakat.

Walau bagaimanapun, polisi CCT sedia ada masih menunjukkan wujud kelemahan dalam merealisasikan matlamat yang diharapkan. Kajian oleh Hidayatina and Garces-Ozanne (2019) di negara Indonesia mendapati kadar penglibatan pelajar dalam program dan aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah berada pada di tahap kurang memuaskan. Kajian lain dalam aspek pendidikan pula mendapati tiada impak signifikan program CCT terhadap pendaftaran atau enrolmen persekolahan (Cahyadi et al., 2020; Moussa et al., 2022). Masalah impak program CCT bukan sahaja melibatkan dimensi pendidikan tetapi melibatkan dimensi kesihatan. Melalui kajian lepas yang dilaksanakan di negara Indonesia, didapati tiada impak secara signifikan program CCT terhadap perbelanjaan kesihatan oleh penerima bantuan (Hadna, 2022). Semua dapatan ini memberi gambaran bahawa syarat tingkahlaku yang dibangunkan dalam program CCT sedia ada masih belum memberikan kesan yang positif serta berkesan kepada outcome yang ditetapkan. Oleh itu, pembangunan dan penambahbaikan dimensi dan item dalam syarat tingkahlaku program CCT wajar dilaksanakan.

Keseluruhannya, pembinaan model CCT mengikut perspektif Islam perlu mengambilkira konstruk yang memberi impak kepada matlamat kehidupan sebagai seorang muslim selaras dengan konsep kejayaan dalam kehidupan umat Islam yang berteraskan matlamat keseimbangan dalam kehidupan dunia dan akhirat (al-falah). Program CCT sedia ada tidak mengambilkira matlamat kehidupan menurut perspektif Islam dalam membangunkan syarat tingkahlaku sedia ada. Oleh yang demikian, selaras dengan prinsip maqasid shariah sebagai teras penting dalam membangunkan dimensi keagamaan, kajian ini mencadangkan pembangunan kerangka konstruk program CCT mengikut perspektif Islam untuk dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia.

STRATEGI PEMBINAAN KERANGKA KONSTRUK CCT MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Pembinaan kerangka konstruk syarat tingkahlaku bagi program CCT mengikut perspektif Islam merupakan cadangan yang dikemukakan oleh kajian ini bagi menyelesaikan pelbagai isu dan masalah yang telah dibangkitkan. Program CCT yang meletakkan matlamat bersepadu (mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan pembangunan modal insan) berupaya memberikan impak positif kepada masa depan golongan asnaf di Malaysia. Di peringkat nasional dan global, keadaan ini sejajar dengan agenda Matlamat Pembangunan Lestasi (SDG) seterusnya berupaya mengurangkan kemiskinan pelbagai dimensi melalui program yang bakal dirancang. Seterusnya, kerangka konstruk yang dibina berupaya membantu golongan asnaf dalam membangunkan modal insan bukan sahaja daripada aspek material bahkan spiritual bagi mengimbangi keperluan serta berusaha mencapai matlamat kejayaan dunia dan akhirat. Pembinaan kerangka konstruk bagi pemboleh ubah bebas akan melalui dua fasa seperti berikut:

Pembinaan Konstruk Syarat Tingkahlaku

Bagi mengenalpasti konstruk syarat tingkahlaku, proses pertama yang perlu dilaksanakan adalah proses mengenalpasti domain dan item bagi syarat tingkahlaku. Langkah-langkah dalam proses ini adalah seperti berikut: a) menyatakan tujuan domain, b) sahkan bahawa tiada instrumen sedia ada, c) menerangkan domain dan sediakan konsep awal takrifan, dan d) menentukan setiap dimensi (DeVellis & Thorpe, 2021; McCoach, Gable, & Madura, 2013; Raykov & Marcoulides, 2011; Streiner, Norman, & Cairney, 2015). Seterusnya, metodologi deduktif akan digunakan bagi proses penjanaan item melalui analisis literatur dan penilaian skala serta indikator pengukuran bagi domain tersebut (Boateng, Neilands, Frongillo, Melgar-Quinonez, & Young, 2018). Pencarian akan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah pencarian berstrategi menggunakan konsep *Boolean keywords*, *truncation* dan *wildcard* terhadap kajian lepas melalui pengkalan data seperti Scopus dan Web of Science. Di samping itu, proses pencarian secara manual juga akan dilaksanakan serta melalui kaedah *snowball*, *backward tracking* dan *handpicking* terhadap kajian literatur utama dalam bidang CCT. Kedua-dua bentuk pencarian wajar dilaksanakan bagi memastikan domain berkaitan syarat tingkahlaku CCT diperolehi pada tahap optimum. Seterusnya, semua konstruk syarat tingkahlaku akan disenaraikan beserta sokongan literatur. Akhir sekali, penyusunan konstruk syarat tingkahlaku akan diklasifikasikan mengikut domain (dimensi), item (elemen) dan indikator pengukuran (Tarique, Islam, Mohamed, Razak, & Hamdan, 2020).

Penyesuaian Konstruk Syarat Tingkahlaku dengan Elemen Maqasid Syariah

Formula konstruk syarat tingkahlaku dibina mengikut perspektif Islam akan merujuk kepada prinsip maqasid al-shariah serta digabungkan dengan syarat tingkahlaku program CCT yang diperolehi daripada kajian literatur. Objektif utama maqasid al-shariah tertumpu kepada objektif untuk mencapai pembangunan kesejahteraan rohani dan sosioekonomi umat Islam (Kamal, 1998). Sehingga kini, prinsip Maqasid al-Shari'ah yang diperkenalkan oleh Imam al-Ghazali telah dipraktikkan dalam pelbagai bidang. Ramai sarjana Islam telah menggunakan konsep al-Ghazali secara meluas dalam kajian mereka. Seterusnya Imam al-Ghazali dengan jelas menyatakan berkenaan dengan konsep masalah serta membahagikan konsep ini kepada tiga kategori berikut: Daruriyat (keperluan), Hajiyaat (pelengkap) dan Tahsiniyaat (perhiasan). Hujah yang dikemukakan oleh beliau bahawa syariat yang telah ditetapkan kepada manusia untuk memenuhi ketiga-tiga objektif ini. Dari segi keutamaan, kategori keperluan asas harus dipenuhi sebelum memenuhi kategori pelengkap. Seterusnya kategori pelengkap harus dipenuhi sebelum memenuhi elemen perhiasan (Auda, 2008). Imam al-Ghazali turut menegaskan bahawa keperluan kepada prinsip ini adalah sangat signifikan dengan menyatakan kesan kepada ketiadaan prinsip tersebut boleh merisikokan kepada keadaan kelemahan dalam pengurusan sesebuah negara. Al-Ghazali seterusnya mengklasifikasikan keperluan kepada lima perlindungan iaitu agama (al-Din), nyawa (al-Nafs), akal (al-Aql), keturunan (al-Nasl) dan kekayaan (al-Mal) (Ashur, 2006). Seterusnya, dimensi program CCT sedia ada akan disesuaikan dengan kombinasi konsep maqasid al-shariah mengikut lima perkara tersebut. Keperluan dimensi program CCT wajar memenuhi keperluan konsep maqasid al-shariah kerana konsep ini merupakan syariat yang diturunkan oleh Allah SWT berbentuk panduan yang membantu manusia untuk melaksanakan tanggungjawab mereka (Ismail & Mat Nor, 2010). Oleh yang demikian, kajian ini akan membangunkan dimensi dan item-item CCT selaras dengan keperluan kedua-dua konsep tersebut. Seterusnya dimensi dan item ini akan dinilai oleh pakar dalam bidang berkaitan

melalui proses seterusnya bagi tujuan pengesahan instrumen program CCT yang akan dibangunkan mengikut perspektif Islam.

IMPLIKASI DASAR

Pembangunan kerangka konstruk CCT mengikut perspektif berupaya memberikan pelbagai impak positif. Dalam menyediakan polisi dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan agihan zakat, pihak pembuat dasar mengambil kira model CCT sebagai suatu model yang wajar dibangunkan dalam pengagihan zakat. Hal ini sesuai dilaksanakan memandangkan program bantuan langsung tunai sedia ada yang kurang berkesan. Dengan pembangunan dan pelaksanaan secara berkesan, program CCT mampu mencapai objektifnya untuk mengeluarkan asnaf daripada kemiskinan dan membolehkan mereka menjadi pembayar zakat.

Tambahan lagi, intervensi yang menasarkankan perubahan sikap golongan penerima bantuan mampu menjadi agen perubahan tingkahlaku golongan asnaf dengan bersikap lebih bertanggungjawab, berdaya saing dan produktif. Selain itu, implikasi daripada pembangunan program CCT mengikut perspektif Islam dijangka mampu mencapai sasaran perubahan sikap positif asnaf, menurunkan kadar kemiskinan antara generasi asnaf serta yang paling penting berupaya mendorong golongan ini untuk menguruskan diri mereka dengan melaksanakan tanggungjawab di dunia dan akhirat secara seimbang. Bagi memastikan perubahan sikap golongan asnaf memenuhi keperluan syarak, syarat tingkahlaku yang dibentuk perlulah disediakan dengan holistik dengan mengambilkira semua aspek.

Seterusnya, program CCT juga berupaya memperkasakan pembangunan modal insan isi rumah asnaf implikasi pelaksanaan syarat tingkahlaku yang dibangunkan dalam bentuk tanggungjawab yang mesti mereka usahakan. Oleh yang demikian, impak daripada pembentukan polisi ini bukan sahaja berupaya meningkatkan produktiviti penerima bantuan malah ianya mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh jangka masa panjang.

Selain implikasi dari sudut ekonomi, pembangunan kerangka CCT mengikut perspektif Islam turut menyumbang kepada korpus ilmu. Sumbangan ilmu pengetahuan baru akan bertambah dalam bidang ilmu berkaitan seperti hal ehwal zakat dan ekonomi Islam hasil daripada sumbangan kajian ini. Oleh yang demikian, pada masa hadapan, pengkaji-pengkaji akademik lain boleh mengembangkan kajian berkenaan polisi dan program CCT mengikut perspektif Islam dalam pengagihan zakat.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian konsep ini bertujuan mencadangkan pembentukan kerangka program CCT mengikut perspektif Islam bagi memperkasakan pengurusan agihan zakat yang lebih efektif. Pembentukan polisi ini berupaya menyelesaikan pelbagai isu dan masalah berkenaan pengagihan zakat di Malaysia khususnya pengagihan bantuan langsung tunai sedia ada kurang berkesan, kemenjadian golongan asnaf tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan, program CCT sedia ada kurang memberi impak dari sudut masalah serta tidak menghayati matlamat kehidupan mengikut perspektif Islam. Justeru, bagi memastikan model program CCT mengikut perspektif Islam yang lebih komprehensif dan efektif mampu dilaksanakan dengan berkesan, kerangka konstruk CCT mengikut perspektif Islam perlu dibangunkan. Model ini mampu meningkatkan impak bukan sahaja dalam pembangunan polisi dan dasar institusi zakat bahkan pembangunan modal insan yang seimbang dari sudut mikroekonomi seterusnya merencanakan pertumbuhan ekonomi negara dari sudut makroekonomi.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Pusat Kajian Pengantarabangsaan, Lembaga Zakat Negeri Kedah atas kerjasama dan kemudahan disediakan.

RUJUKAN

- Arnold, C., Conway, T., & Greenslade, M. (2011). Cash transfers: Evidence paper. *London: Department for International Development*.
- Ashur, M. A.-T. I. (2006). *Ibn Ashur: Treatise on Maqasid Al-Shariah*: Iiit.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-shariah: A beginner's guide* (Vol. 14): International Institute of Islamic Thought (IIIT).
- Baba-Ari, F., Eboeime, E. A., & Hossain, M. (2018). Conditional Cash Transfers for Maternal Health Interventions: Factors Influencing Uptake in North-Central Nigeria. *Int J Health Policy Manag*, 7(10), 934-942. doi:10.15171/ijhpm.2018.56
- Barrientos, A., & Villa, J. M. (2013). Antipoverty transfers and labour force participation effects. *Brooks World Poverty Institute Working Paper*(185).
- Bastagli, F., Hagen-Zanker, J., Harman, L., Barca, V., Sturge, G., Schmidt, T., & Pellerano, L. (2016). Cash transfers: what does the evidence say. *A rigorous review of programme impact and the role of design and implementation features*. London: ODI, 1(7).
- Boateng, G. O., Neilands, T. B., Frongillo, E. A., Melgar-Quinonez, H. R., & Young, S. L. (2018). Best Practices for Developing and Validating Scales for Health, Social, and Behavioral Research: A Primer. *Front Public Health*, 6, 149. doi:10.3389/fpubh.2018.00149
- Cahyadi, N., Hanna, R., Olken, B. A., Prima, R. A., Satriawan, E., & Syamsulhakim, E. (2020). Cumulative Impacts of Conditional Cash Transfer Programs: Experimental Evidence from Indonesia. *American Economic Journal: Economic Policy*, 12(4), 88-110. doi:10.1257/pol.20190245
- Catubig, M. C. L., & Villano, R. A. (2017). Conditional cash transfer and school outcomes: an evaluation of the Pantawid Familyang Pilipino Program in Davao Oriental, Philippines. *Asian Economic Journal*, 31(4), 403-421.
- Colvara, B. C., Singh, A., Gupta, A., Celeste, R. K., & Hilgert, J. B. (2023). Association between cash transfer programs and oral health—A scoping review. *Journal of Public Health Dentistry*, 83(1), 69-77.
- DeVellis, R. F., & Thorpe, C. T. (2021). *Scale development: Theory and applications*: Sage publications.
- Dubois, P., De Janvry, A., & Sadoulet, E. (2012). Effects on school enrollment and performance of a conditional cash transfer program in Mexico. *Journal of Labor Economics*, 30(3), 555-589.
- Dwyer, R., Stewart, K., & Zhao, J. (2022). A Comparison of Cash Transfer Programs in the Global North and South. *Dwyer, R., Stewart K., & Zhao, J. A comparison of cash transfer programs in the Global North and South. Using Cash Transfers to Build an Inclusive Society: A Behaviorally Informed Approach., Forthcoming*.
- Farjana, F., Islam, M. K., Khanam, R., & Mamun, T. M. (2023). Impact of conditional cash transfer on health outcome of expectant mothers in Bangladesh. *International Journal of Social Economics*. doi:10.1108/ijse-08-2022-0512
- Fiszbein, A., & Schady, N. R. (2009). *Conditional Cash Transfers*.
- Hadna, A. H., Zulaela, Ardiansyah, J., & Habib, F. (2022). Stand-Alone Conditional Cash Transfer in Regards to Reducing Stunting in Indonesia: Evidence From a Randomized Controlled Trial. *Journal of Population and Social Studies*, 31, 435-454. doi:10.25133/JPSSv312023.025

- Hidayatina, A., & Garces-Ozanne, A. (2019). Can cash transfers mitigate child labour? Evidence from Indonesia's cash transfer programme for poor students in Java. *World Development Perspectives*, 15. doi:10.1016/j.wdp.2019.100129
- Honorati, M., Gentilini, U., & Yemtsov, R. G. (2015). *The state of social safety nets 2015* (1464805431). Retrieved from
- Ibarrarán, P., Medellín, N., Regalia, F., Stampini, M., Parodi, S., & Tejerina, L. (2017). How conditional cash transfers work: good practices after 20 years of implementation. *Banco Interamericano de Desarrollo. Washington, DC*.
- Kabeer, N., Piza, C., & Taylor, L. (2012). What are the economic impacts of conditional cash transfer programmes? A systematic review of the evidence. *EPPI CENTRE, SOCIAL SCIENCE RESEARCH UNIT, INSTITUTE OF EDUCATION & UNIVERSITY OF LONDON (eds.)*.
- Kamal, Y. (1998). *The Principles of the Islamic Economic System*, Islamic Inc. *Publishing and Distribution, Cairo, Egypt*.
- Marinho, M. d. S. (2017). The impact of the Bolsa Família Programme on child labour.
- McCoach, D. B., Gable, R. K., & Madura, J. P. (2013). *Instrument development in the affective domain* (Vol. 10): Springer.
- Mendoza, E. N. (2019). Are conditional cash transfer programs for women? Engendering the Philippine Pantawid. *Asian Social Work and Policy Review*, 13(1), 78-86.
- Miller, C., Riccio, J., Verma, N., Nuñez, S., Dechausay, N., & Yang, E. (2015). Testing a conditional cash transfer program in the US: the effects of the family rewards program in New York City. *IZA Journal of Labor Policy*, 4, 1-29.
- Moussa, W., Salti, N., Irani, A., Al Mokdad, R., Jamaluddine, Z., Chaaban, J., & Ghattas, H. (2022). The impact of cash transfers on Syrian refugee children in Lebanon. *World Development*, 150, 105711.
- Raykov, T., & Marcoulides, G. A. (2011). *Introduction to psychometric theory*: Routledge.
- Razak, S. H. A. (2019). Zakat and waqf as instrument of Islamic wealth in poverty alleviation and redistribution. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 40(3/4), 249-266. doi:10.1108/ijssp-11-2018-0208
- Rohaizan, N. F. A., Noor, M. A. M., & Wahid, H. (2020). Peningkatan Kemiskinan: Peranan Had Kifayah dalam Bantuan Zakat. *jurnal ekonomi malaysia*, 54(3), 41-58.
- Romdhoni, A. H. (2017). Zakat dalam mendorong pertumbuhan ekonomi dan pengentasan kemiskinan. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 3(01), 41-51.
- Son, H. H. (2008). Conditional cash transfer programs: an effective tool for poverty alleviation?
- Streiner, D. L., Norman, G. R., & Cairney, J. (2015). *Health measurement scales: a practical guide to their development and use*: Oxford University Press, USA.
- Tarique, K. M., Islam, R., Mohamed, M. O., Razak, D. A., & Hamdan, H. b. (2020). Constructing a Maqasid (Objective) Based Performance Measurement Index for Islamic Banks. *International Journal of the Analytic Hierarchy Process*, 12(2). doi:10.13033/ijahp.v12i2.770
- Wahid, H., Ahmad, S., Nor, M. A. M., & Rashid, M. (2017). Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat: perbandingan antara majlis agama islam negeri di Malaysia. *jurnal ekonomi malaysia*, 51(2), 39-54.
- Zulhibri, M. (2016). The relevance of conditional cash transfers in developing economy: the case of Muslim countries. *International Journal of Social Economics*.